

Program baharui cukai jalan, insurans tanpa faedah

Um - 2/7/2022 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Sejumlah 1.6 juta kakitangan kerajaan menerima manfaat Program Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia, *myezycover.com* iaitu kemudahan pembaharuan polisi insurans kenderaan dan cukai jalan tanpa faedah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, menerusi kemudahan itu, kakitangan awam boleh menikmati bayaran balik pembiayaan secara ansuran sehingga 10 bulan, melalui Skim Potongan Gaji ANGKASA (SPGA).

Ia adalah satu bentuk pembiayaan berlandaskan konsep patuh syariah Qardhul Hasan iaitu pinjaman tidak melibatkan faedah atau unsur riba.

“Dengan pelbagai manfaat ditawarkan, penjawat awam boleh mengambil perlindungan tambahan yang lebih komprehensif untuk kenderaan masing-masing.

“Ini bagi memastikan kenderaan dan penumpang dilindungi daripada kemalangan, serta bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya,” katanya ketika berucap melancarkan program *myezycover.com* di sini semalam.

Melalui *myezycover.com* inisiatif Kementerian Sumber Ma-



ISMAIL Sabri Yaakob semasa majlis pelancaran Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia di Hotel Marriot di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

nusia dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan penyedia platform pembiayaan kewangan, A Tech Insure Sdn Bhd, penjawat awam boleh memperbaharui insurans kenderaan di hujung jari iaitu ‘Mudah, Jimat dan Pantas’.

Ismail Sabri berkata, manfaat inisiatif ini turut boleh dinikmati penjawat awam kon-

trak dengan syarat, nisbah hutang tidak melebihi 60 peratus daripada jumlah pendapatan bulanan.

Ia sekali gus membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan penjawat awam tanpa berorientasikan komersial sebaliknya membantu merealisasikan konsep Keluarga Malaysia berasaskan indeks kebahagiaan, yang menjadi tanda aras komitmen dan kesungguhan kerajaan.

Pada masa sama, kata beliau, dengan usaha ini dapat membantu pegawai kerajaan mengurangkan tekanan kewangan, setiap kali mereka memperbaharui insurans kenderaan dan cukai jalan.

Kerajaan juga berhasrat memperluaskan inisiatif berkenaan kepada kakitangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sektor swasta dalam masa terdekat.